



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (07 FEBRUARI 2021)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini terdapat **dua (2) kes** kematian baharu melibatkan jangkitan COVID-19 di Sibu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kematian meningkat kepada **50 kes**.

Manakala terdapat **219 kes** positif COVID-19 yang dikesan di Sarawak [Sibu (55), Song (50), Beluru (35), Miri (32), Kapit (25), Samarahan (5), Kanowit (5), Bintulu (4), Bukit Mabong (3), Betong (1), Kuching (1), Lundu (1), Saratok (1) dan Subis (1)] menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 5,676 kes**.

#### **A. Kes Kematian Baharu COVID-19**

##### **I. Kes Kematian Ke-49.**

**Kes kematian ke-49 merupakan kes ke-4,527** melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) berumur 92 tahun yang telah dimasukkan ke Hospital Sibu pada 30 Januari 2021 kerana mengalami masalah kesukaran bernafas bermula 29 Januari 2021.

Saringan ujian rt-PCR telah dibuat pada 31 Januari 2021 dan dikesan positif pada hari yang sama. Keadaan kesihatan kes merosot dan telah disahkan meninggal dunia pada 06 Februari 2021 jam 9.49 malam. Kes juga mempunyai ko-morbid penyakit darah tinggi dan penyakit paru-paru kronik (COPD).

## **II. Kes Kematian Ke-50.**

**Kes kematian ke-50 merupakan kes ke-2,422** iaitu seorang perempuan warga tempatan (Sarawak) berumur 73 tahun yang telah dirujuk ke Hospital Sibu kerana dikesan positif COVID-19 melalui hasil saringan bergejala daripada sebuah pusat jagaan pada 19 Januari 2021.

Kes ini mengalami gejala demam bermula 17 Januari 2021 dan ujian-rt PCR dibuat pada 18 Januari 2021 dan didapati positif pada 19 Januari 2021. Keadaan kesihatan kes didapati merosot dan telah disahkan meninggal dunia pada 06 Februari 2021 jam 10.21 malam. Kes juga mempunyai ko-morbid penyakit kencing manis, darah tinggi dan strok.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak mengucapkan ucapan Takziah kepada ahli keluarga mangsa.

## **B. Kes Baharu COVID-19**

### **I. Daerah Sibu (55 Kes)**

- a) **34 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19.
- b) **14 kes** saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di Daerah Sibu.
- c) **5 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di Daerah Sibu.
- d) **1 kes** yang melibatkan Kluster Pasai.
- e) **1 kes** melibatkan saringan petugas kesihatan di daerah Sibu.

### **II. Daerah Song (50 Kes)**

- a) **43 kes** yang melibatkan Kluster Pasai.
- b) **7 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19.

### **III. Daerah Beluru (35 Kes)**

- a) **34 kes** yang melibatkan kluster Seruas.
- b) **1 kes** yang melibatkan kluster Pasai.

### **IV. Daerah Miri (32 Kes)**

- a) **24 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19.
- b) **3 kes** yang melibatkan Kluster Rakut.
- c) **2 kes** melibatkan saringan petugas kesihatan di daerah Miri.

- d) **2 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di Daerah Miri.
- e) **1 kes** yang melibatkan Kluster Jelita.

## **V. Daerah Kapit (25 Kes)**

- a) **21 kes** yang melibatkan kluster Pasai.
- b) **4 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19.

## **VI. Daerah Kanowit (5 Kes)**

- a) **5 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19.

## **VII. Daerah Samarahan (5 Kes)**

- a) **5 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19.

## **VIII. Daerah Bintulu (4 Kes)**

- a) **2 kes** yang melibatkan Kluster Rakut.
- b) **1 kes** saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di Daerah Bintulu.
- c) **1 kes** merupakan individu yang disaring melalui aktiviti pengesanan kes secara aktif di Sungai Plan.

## **IX. Daerah Bukit Mabong (3 Kes)**

- a) **3 kes** yang melibatkan Kluster Pasai.

## **X. Daerah Kuching (1 Kes)**

- a) **1 kes** yang melibatkan Kluster Indah Riang.

## **XI. Daerah Lundu (1 Kes)**

- a) **1 kes** yang melibatkan Kluster Pasai.

## **XII. Daerah Betong (1 Kes)**

- a) **1 kes** saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di Daerah Betong.

## **XIII. Daerah Saratok (1 Kes)**

- a) **1 kes** saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di Daerah Saratok.

## **XIV. Daerah Subis (1 Kes)**

- a) **1 kes** yang melibatkan Kluster Pasai.

### **C. Kluster Baharu: Kluster Seruas Di Daerah Beluru.**

Hari ini, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah mengisytiharkan satu (1) lagi kluster baharu iaitu **Kluster Seruas di Daerah Beluru** yang melibatkan kluster komuniti. Kluster ini melibatkan sebuah rumah panjang di Serawong Tengah, Seruas, Bakong di Daerah Beluru.

Indeks kes kepada kluster ini adalah kes ke-4,308 yang merupakan seorang perempuan berumur 61 tahun yang dikesan melalui saringan individu bergejala pada 28 Januari 2021. Perebakan jangkitan dipercayai berlaku melalui kontak rapat pengunjung semasa upacara pengkebumian di rumah panjang tersebut pada 25 hingga 27 Januari 2021. Rumah panjang tersebut juga telah diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan hasil pengesanan aktif dan saringan kontak rapat kepada indeks kes dan penduduk di rumah panjang Serawong Tengah, penambahan 58 kes positif baharu telah dikesan. Sehingga jam 12:00 tengah hari 07 Februari 2021, sejumlah 150 individu telah disaring, iaitu:

- 59 kes dikesan positif COVID-19 termasuk kes indeks
- 29 individu negatif, dan
- 62 individu masih menunggu keputusan

#### **D. Kluster Yang Masih Aktif.**

Hari ini terdapat **15 kluster** COVID-19 yang masih aktif di Sarawak iaitu:

- I. **Kluster Seruas, Beluru** : kluster baharu yang diisyiharkan hari ini
- II. **Kluster Sebangkoi, Sri Aman** : tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kekal 21 kes. Sejumlah 197 individu telah disaring dimana, 145 negatif dan 31 masih menunggu keputusan makmal.
- III. **Kluster Jun Heng, Bintulu** : tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kekak 20 kes. Sejumlah 102 individu telah disaring dimana, 58 negatif dan 24 masih menunggu keputusan makmal.
- IV. **Kluster Bintang Daily, Meradong** : tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kekal 9 kes. Sejumlah 61 individu telah disaring dimana, 52 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.
- V. **Kluster Jalan Pengiran, Matu** : tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kekal 23 kes. Sejumlah 213 individu telah disaring dimana, 190 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.
- VI. **Kluster Tabong, Bau** : tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kekal 32 kes. Sejumlah 200 individu telah disaring, dimana 168 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.

- VII. Kluster Indah Riang, Kuching** : terdapat penambahan 1 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 20 kes. Sejumlah 222 individu telah disaring, dimana 187 negatif dan 14 masih menunggu keputusan makmal.
- VIII. Kluster Bedayan, Serian** : tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan 17 kes. Sejumlah 1,148 individu telah disaring, dimana 1,096 negatif dan 35 masih menunggu keputusan makmal.
- IX. Kluster Rakut, Miri** : terdapat penambahan 5 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 156 kes. Sejumlah 600 individu telah disaring, dimana 422 negatif dan 22 masih menunggu keputusan makmal.
- X. Kluster Bukit Sekubong, Sebauh** : tiada penambahan kes hari. Jumlah keseluruhan kekal 33 kes. Sejumlah 330 individu telah disaring, dimana 297 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.
- XI. Kluster Jelita, Miri** : terdapat penambahan 1 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 56 kes. Sejumlah 350 individu telah disaring, dimana 282 negatif dan 12 masih menunggu keputusan makmal.
- XII. Kluster Pasai, Sibu** : terdapat penambahan 71 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 2,359 kes. Sejumlah 25,500 individu telah disaring, dimana 22,600 negatif dan 541 masih menunggu keputusan makmal.

**XIII. Kluster Keranji Tabuan, Kuching** : tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kes kekal 15 kes. Sejumlah 181 individu telah disaring, dimana 166 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.

**XIV. Kluster Bah Sayap, Miri** : tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kekal 96 kes. Sejumlah 1,047 individu telah disaring, dimana 951 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.

**XV. Kluster Stutong, Kuching** : tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kekal 41 kes. Sejumlah 570 individu telah disaring dimana 529 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.

#### **E. Status Kes Covid-19 Di Dalam Wad Hospital Dan Masih Di Bawah Pengawasan Perubatan (Kes Aktif).**

Terdapat **134** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini dari Hospital Sibu (79), Hospital Miri (24), Hospital Bintulu (11), PKRC di bawah Hospital Kapit (9), Hospital Umum Sarawak (6), PKRC di bawah Hospital Limbang (4) dan PKRC Sipitang, Sabah (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih atau dibenarkan discaj meningkat kepada **3,734** orang atau **65.79%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes aktif yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di PKRC dan wad hospital mengikut hospital rujukan adalah seramai **1,874** orang dimana:

- 945 kes di Hospital Sibu;
- 376 kes di Hospital Miri;
- 175 kes di Hospital Umum Sarawak;
- 198 kes di Hospital Kapit (PKRC Kapit);
- 160 kes di Hospital Bintulu;
- 19 kes di Hospital Sarikei, dan
- 1 kes di Hospital Limbang (PKRC Limbang).

Hari ini, **249 PUI** baru telah dilaporkan dan **36 PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

#### **F. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, **Daerah Samarahan telah bertukar status daripada status Kuning kepada status Jingga** setelah mencatatkan sejumlah 25 kes jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

**Daerah Betong telah kembali ke status Kuning daripada status Jingga** setelah merekodkan hanya Sembilan (9) kes jangkitan tempatan dikesan dalam tempoh 14 hari yang lalu.

Daerah Lundu, Beluru, Kapit, Song, Dalat, Bintulu, Kanowit, Miri dan Sibu kekal berstatus Merah dengan sejumlah **1,951** kes jangkitan tempatan dilaporkan di lapan (8) buah daerah ini dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Kuching, Selangau, Sri Aman, Matu, Bau dan Subis kekal berstatus Jingga dengan **159** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Saratok, Sarikei, Sebauh, Daro, Lawas, Telang Usan, Bukit Mabong, Tatau, Pakan, Serian, Belaga, Meradong, Julau, Simunjan dan Lubok Antu kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan **101** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Manakala lapan (8) daerah lain kekal berstatus Hijau.

## **2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN/TANGKAPAN**

Pihak PDRM telah menangkap dua (2) lelaki warganegara Indonesia iaitu penjaga premis hiburan di Bintulu kerana melanggar arahan PKPB. Manakala sebanyak **56 kompaun** telah dikeluarkan di daerah Bintulu (40), Kuching (12), Padawan (2), Kapit (1) dan Miri (1) kerana telah melanggar SOP.

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **117 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu DBKU (37), MPP (36), SMC (33), MD Serian (7), BDA (3) dan MBKS (1).

### **3. LAPORAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA NEGERI SARAWAK**

Bertindak atas maklumat dan hasil risikan lebih kurang jam 0115 hrs bertempat di Betong, sepasukan Pegawai Imigresen dari Unit Khas (Quick Respond Team) Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sarawak telah berjaya menggagalkan cubaan menyeludup masuk warganegara Indonesia dalam satu operasi 'OPS SERKAP' ketika dalam perjalanan menuju ke Miri menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam bas.

Hasil daripada operasi tersebut telah membawa kepada penangkapan seramai 19 orang warga asing Indonesia yang terdiri daripada sembilan (9) lelaki dan lapan (8) wanita serta dua (2) orang kanak-kanak yang berusia sekitar 1 tahun hingga 50 tahun. Semasa pemeriksaan dilakukan, kesemua warga asing tersebut didapati bersembunyi di bawah kerusi dan di sebalik timbunan kotak. Seramai dua (2) orang warga tempatan (Sarawak) juga turut ditahan dalam operasi ini kerana dipercayai bersekongkol dalam penyeludupan mereka ke Malaysia.

Hasil risikan awal mendapati kesemua warga asing Indonesia yang ditahan telah masuk ke Sarawak melalui jalan hutan dari Lubok Antu dan kemasukan mereka dipercayai telah diuruskan oleh warga tempatan yang bekerjasama dengan agen warganegara Indonesia dengan jumlah bayaran sekitar RM1,400 hingga RM1,600 seorang.

Kesemua warga asing tersebut didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Peraturan-peraturan Imigresen dan Akta Pasport 1966. Manakala warganegara Malaysia didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang Dan Penyeludupan Migran 2007.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives  
Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK  
07 FEBRUARI 2021  
5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Cumm. Positive Cases	5457	ACTIVE CASES (Total Cases still in ward and under medical supervision)	1,874	33.02%
New Cases	219	Cases in Intensive Care Unit (ICU)	11	0.19%
Total Samples by Individu	351,055	Intubated Cases	12	0.21%
Cumm. Positive Cases	5676	Total COVID-19 Death Cases	50	0.88%
IR per 100,000 population	183.99	Total Non-COVID-19 Death Cases	12	0.21%
Lab. Results (PUI)	New	Recovered and discharged cases	3,734	65.79%
Negative	17	Patient Under Investigation (PUI)	New	Cummulative
Pending Result	25	36	249	17,456

Current Status		SGH Kuching	Hospital & PKRC Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	PKRC Limbang	Hospital Sarikei	Hospital & PKRC Kapit	PKRC Sipitang, Sabah	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
ACTIVE CASES (Total Cases still in ward and under medical supervision)		175	945	160	376	1	19	198	0	0	1,874
Kes di Intensive Care Unit (ICU)		1	8	0	2	0	0	0	0	0	11
Intubated cases		1	9	0	2	0	0	0	0	0	12
Total COVID-19 Death Cases		18	25	0	6	0	0	1	0	0	50
Total Non-COVID-19 Death Cases		1	7	1	3	0	0	0	0	0	12
Recovered and discharged cases	New	6	79	11	24	4	0	9	1	0	134
	Cummulative	1,157	1,667	213	527	5	47	114	1	3	3,734
Total re-admission cases (Re-tested Positive)		9	9	3	1	0	0	0	0	0	22
TOTAL NOT ADMITTED		3	4	1	0	0	0	0	0	0	8
TOTAL ADMISSION (Individu)		1,350	2,644	373	912	6	66	313	1	3	5,668

DAERAH MERAH (9)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lundu	1	319	1	59	0	12	0	0	0	0	47	51	51
2	Beluru	34	181	35	193	0	59	0	1	0	0	133	131	131
3	Kapit	78	215	25	173	4	33	0	0	0	0	140	109	109
4	Song	0	138	50	141	5	82	0	0	0	1	58	164	164
5	Dalat	0	308	0	179	1	87	0	0	0	0	92	132	130
6	Bintulu	4	714	4	307	6	169	0	1	0	0	137	180	172
7	Kanowit	5	263	5	315	6	255	0	1	0	2	57	147	147
8	Miri	34	1,469	32	652	22	423	0	1	0	5	223	249	244
9	Sibu	55	2,182	55	2,020	67	1237	0	5	2	23	751	806	803
Jumlah		211	5,789	207	4,039	111	2,357	0	9	2	31	1,638	1,969	1,951

DAERAH JINGGA (7)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	6	718	5	152	0	129	0	0	0	5	18	25	25
2	Kuching	28	9,294	1	927	2	872	0	1	0	12	42	43	26
3	Selangau	0	18	0	34	0	19	0	0	0	0	15	22	22
4	Sri Aman	0	95	0	42	0	20	0	0	0	1	21	21	21
5	Matu	0	71	0	36	4	16	0	0	0	0	20	30	29
6	Bau	2	253	0	40	0	12	0	0	0	0	28	32	32
7	Subis	0	38	1	40	3	21	0	0	0	0	19	29	29
Jumlah		36	10,487	7	1,271	9	1089	0	1	0	18	163	202	184

DAERAH KUNING (16)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Betong	1	234	1	57	3	53	0	0	0	0	4	9	9
2	Saratok	1	35	1	5	0	2	0	0	0	0	3	4	3
3	Sarikei	0	126	0	40	0	34	0	0	0	0	6	16	14
4	Daro	0	64	0	2	0	1	0	0	0	0	1	1	1
5	Sebauh	0	43	0	48	4	35	0	0	0	0	13	14	14
6	Lawas	0	38	0	20	5	17	0	0	0	0	3	8	6
7	Telang Usan	0	0	0	1	0	1	0	0	0	0	0	1	1
8	Bukit Mabong	0	2	3	10	0	4	0	0	0	0	6	11	8
9	Tatau	0	12	0	4	0	1	0	0	0	0	3	3	3
10	Pakan	0	5	0	6	0	3	0	0	0	0	3	5	5
11	Serian	0	178	0	45	0	36	0	0	0	0	9	10	9
12	Belaga	0	12	0	4	0	3	0	0	0	0	1	2	2
13	Meradong	0	58	0	26	1	18	0	1	0	0	7	19	17
14	Julau	0	23	0	25	0	14	0	0	0	0	11	19	14
15	Simunjan	0	74	0	15	1	14	0	0	0	0	1	3	3
16	Lubok Antu	0	46	0	18	0	18	0	0	0	0	0	1	1
Jumlah		2	950	5	326	14	254	0	1	0	0	71	126	110

DAERAH HIJAU (8)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Asajaya	0	48	0	9	0	7	0	0	0	0	0	0	0
2	Limbang	0	40	0	16	0	14	0	1	0	1	0	0	0
3	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0
4	Tebedu	0	9	0	8	0	8	0	0	0	0	0	0	0
5	Mukah	0	82	0	2	0	1	0	0	0	0	1	1	0
6	Pusa	0	10	0	2	0	2	0	0	0	0	0	0	0
7	Kabong	0	4	0	1	0	0	0	0	0	0	1	1	0
8	Marudi	0	14	0	1	0	1	0	0	0	0	0	1	0
Jumlah		0	230	0	40	0	34	0	1	0	1	2	3	0

Jumlah Besar	249	17,456	219	5,676	134	3,734	0	12	2	50	1,874	2,300	2,245
--------------	-----	--------	-----	-------	-----	-------	---	----	---	----	-------	-------	-------

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **541 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **83 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **6,033 orang**. Manakala seramai **61,259 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 07.02.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	<b>Kuching (2,395)</b>	Hock Lee	130
2		Grand Dormani	60
3		Kuching Park	149
4		Pullman	305
5		Hilton	257
6		Harbour View	172
7		Riverside (Astana Wing)	148
8		Grand Margherita	282
9		Imperial Boulevard	147
10		Tune Hotel	58
11		Dormani Hotel	50
12		Grand Continental	105
13		Meritin	22
14		Longhouse	101
15		Abell	93
16		Lot 10	101
17		Telang Usan	51
18		Imperial Riverbank	89
19		Kingwood	75
20		Mega Hotel	139
21		Somerset	37
22		Imperial Palace	63

23	<b>Miri (920)</b>	Imperial New Wing	177
24		Paragon	14
25		Meritz	181
26		Miri	18
27		Dynasty	155
28		Kenyalang Suite	48
29		Citi Hotel	21
30		Nova	67
31	<b>Bintulu (1,878)</b>	Utama Inn	37
32		Fairfield by Marriot	213
33		Kidurong Inn	34
34		Motel Kapok	86
35		Faber Inn	30
36		AA Inn	29
37		Ambassador	37
38		Kemena Inn	19
39		Green	110
40		Kemena Plaza	136
41		40tory Inn	43
42		Lengkap Inn	50
43		Studio Inn	39
44		Sunstar Inn	5
45		Parkcity Garden	14
46		Mega Inn	42
47		Kriss Lodge	40
48		Centre Inn	27
49		Welcome Inn	15
50		Parkcity Garden 2	94
51		Lucky 5 Inn	43
52		900 Inn	32
53		New World Suite	96
54		Golden Bay	23

55		Kemen Resort	240
56		Inn 86	24
57		Sunlight Inn	13
58		Hover Hotel	45
59		Starmoon Hotel	4
60		Royal Hotel	24
61		Ocean Inn	17
62		Best Lodge	18
63		H5 Inn	61
64		DK Value Inn	40
65		Li Hua	98
66	<b>Limbang (267)</b>	Purnama	17
67		Mandarin (Lawas)	33
68		Shangsan (Lawas)	75
69		Seri Malaysia (Lawas)	142
70	<b>Sibu (271)</b>	Premier	164
71		Kawan	68
72		Sarawak	39
73	<b>Samarahan (116)</b>	INFRA	63
74		Kolej Rafflesia, UNIMAS	53
75		UiTM	0
76	<b>Sarikei (55)</b>	Garden Hotel	36
77		Dragon	19
78	<b>Betong (51)</b>	Mega Inn	26
79		Medan Inn	5
80		Victoria Inn	20
81	<b>Serian (19)</b>	Transit Inn	19
82	<b>Mukah (53)</b>	Kingwood	53
83	<b>Sri Aman (8)</b>	Good View	8
<b>Jumlah PUS</b>			<b>6,033</b>

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **16 lokasi di Miri (7), Sarikei (2), Sibu (2), Mukah (2), Kapit (1), Kuching (1) dan Samaraham (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,618 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 07.02.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>1</b>	<b>776</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>7</b>	<b>548</b>
<b>3</b>	<b>Sibu</b>	<b>2</b>	<b>283</b>
<b>4</b>	<b>Sarikei</b>	<b>2</b>	<b>189</b>
<b>5</b>	<b>Samarahan</b>	<b>1</b>	<b>154</b>
6	Bintulu	TIADA	148
<b>7</b>	<b>Kapit</b>	<b>1</b>	<b>126</b>
8	Limbang	TIADA	101
9	Serian	TIADA	87
<b>10</b>	<b>Mukah</b>	<b>2</b>	<b>72</b>
11	Betong	TIADA	69
12	Sri Aman	TIADA	65
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>2,618</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **46 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 07.02.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MPP	2
2	MD Serian	3
3	SMC	8
4	MD Kapit	7
5	MCC	13
6	MD Marudi	5
7	MD Lawas	8
<b>Jumlah</b>		<b>46</b>

## 5. LOKASI DAN MASA KES POSITIF DILAPORKAN

(Data sehingga 07.02.2021 @ 3.00 petang)

### DAERAH KUCHING/BAU LUNDU

Name of Exposed Location	Category	Exposure Date	Time Period Affected
<b>Emart Batu Kawa, Kuching</b>	Social activity-customer	24.01.2021	7.51 pm - 8.30 pm
		27.01.2021	6.00 pm - 6.30 pm
<b>Watson Emart Batu Kawa, Kuching</b>	Social activity-customer	28.01.2021	6.27 pm - 7.00 pm
<b>JOM Pharmacy Emart Matang, Kuching</b>	Social activity-customer	30.01.2021	3.00 pm - 3.20 pm
<b>Ming Ming Supermarket, Bau</b>	Social activity-customer	29.01.2021	12.00 pm - 12.30 pm
<b>100% Ddiscount Store Sematan</b>	Social activity-customer	24.01.2021	10.00 am - 10.30 am
<b>Hero café, Lundu</b>	Eatery	24.01.2021	12.30 pm - 1.00 pm
<b>Tai Guan café, Lundu</b>	Eatery	24, 25 & 29.01.2021	7.30 am - 8.00 am
<b>Kedai Hock Seng, Lundu</b>	Social activity-customer	29 & 30.01.2021	12.00 pm - 12.20 pm
<b>RHB Bank Lundu</b>	Social activity-customer	29 - 31.01.2021	11.00 am - 11.30 am 4.30 pm - 5.00 pm
<b>Jaya Café Nasi Campur, Lundu</b>	Eatery	30.01.2021	12.00 pm - 12.30 pm
<b>Gudang Yap Guan, Lundu</b>	Social activity-customer	30.01.2021	1.00 pm - 1.30 pm
<b>BS Superstore Lundu</b>	Social activity-customer	25, 29, 31.01.2021 & 01.02.2021	10.30 am - 11.00 am
<b>Kedai Runcit Uate, Lundu</b>	Social activity-customer	01.02.2021	2.00 pm - 2.20 pm
<b>Kedai Ah Jak, Lundu</b>	Social activity-customer	01.02.2021	11.30 am - 11.50 am
<b>Kedai Makan Tua Pek Kong, Lundu</b>	Eatery	01.02.2021	12.00 pm - 12.30 pm
<b>Chiok Chey Electrical, Lundu</b>	Social activity-customer	01.02.2021	3.30 pm - 4.00 pm

**DAERAH SIBU**

Name of Exposed Location A24:D63	Category	Exposure Date	Time Period Affected
<b>Baycat Weighing Industry Sdn Bhd</b>	Workplace	18.01.2021	8.00 am - 5.00 pm
		19.01.2021	
		20.01.2021	
		21.01.2021	
		22.01.2021	
		26.01.2021	
		27.01.2021	
<b>Ling Kee Trading</b>	Workplace	21 - 23.01.2021	7.30 am - 6.00 pm
		25 - 30.01.2021	
		01 & 02.02.2021	
<b>MR DIY(EM) Sdn Bhd Sibujaya</b>	Social activity-customer	19.01.2021	9.22 am - 10.00am
<b>Kim Hock Supermarket-Sibujaya</b>	Social activity-customer	21.01.2021	9.15 am - 9.35 am
<b>KFC Sing Kwong</b>	Eatery	21.01.2021	4.48 pm - 5.00 pm
<b>Doremart Sdn Bhd</b>	Social activity-customer	23.01.2021	11.52 am - 12.10 pm
<b>Kim Hock Supermarket Sibu Jaya</b>	Social activity-customer	24.01.2021	10.01 am - 10.25 am
<b>Grand Senheng Wong King Huo</b>	Social activity-customer	24.01.2021	12.34 pm - 1.00 pm
<b>Everwin Sungai Merah Trading Sdn Bhd</b>	Social activity-customer	24.01.2021	10.38 am - 10.55 am
		27.01.2021	11.51 am - 12.15 pm
<b>Centuryin Sdn Bhd</b>	Social activity-customer	26.01.2021	6.28 pm - 6.40 pm
<b>BreadSense Sibu Sdn Bhd-Salim Outlet</b>	Social activity-customer	26.01.2021	5.48 pm - 6.00 pm
<b>Eljo Restaurant Sdn Bhd</b>	Eatery	26.01.2021	9.03 am - 9.20 am
<b>KK Mart</b>	Social activity-customer	27.01.2021	8.08 am - 8.20 am

<b>Everwin Sanyan</b>	Social activity-customer	28.01.2021	3.22 pm - 3.50 pm
<b>MDS Mart Sibu Sdn Bhd</b>	Social activity-customer	28.01.2021	4.16 pm - 4.30 pm
<b>KK Mart</b>	Social activity-customer	28.01.2021	8.19 am - 8.35 am
<b>MR DIY(EM) Sdn Bhd Sibujaya</b>	Social activity-customer	28.01.2021	12.50 pm - 1.15 pm
<b>RHB Bank Jalan Tuanku Osman Sibu Branch</b>	Social activity-customer	28.01.2021	2.43 pm - 3.00 pm
<b>AEON Credit Service Sibu Branch</b>	Social activity-customer	28.01.2021	2.53 pm - 3.15 pm
<b>Starbucks Sibu Pedada</b>	Eatery	28.01.2021	2.16 pm - 2.30 pm
<b>Star Mega Mall</b>	Social activity-customer	28.01.2021	2.55 pm - 3.40 pm
<b>Delta Mall</b>	Social activity-customer	28.01.2021	12.37 pm - 1.00 pm
<b>HSBC Bank Malaysia</b>	Social activity-customer	28.01.2021	12.17 pm - 12.30 pm
<b>Pasar Tamu Sibujaya</b>	Social activity-customer	29.01.2021	11.51 am - 12.10 pm
<b>Dapur Ani</b>	Eatery	29.01.2021	7.54 am - 8.20 am
<b>Courts Malaysia Sdn Bhd</b>	Social activity-customer	29.01.2021	11.24 am - 11.55 am
<b>Sarawak House Sdn Bhd</b>	Social activity-customer	29.01.2021	12.19 pm - 12.50 pm
<b>Popular Book Malaysia</b>	Social activity-customer	30.01.2021	6.30 pm - 7.00 pm
<b>Farley Sibu Sdn Bhd</b>	Social activity-customer	31.01.2021	5.03 pm - 5.25 pm
<b>Kim Hock Supermarket Sibu Jaya</b>	Social activity-customer	31.01.2021	10.56 am - 11.25 am
<b>Maybank Sibu-SST</b>	Social activity-customer	01.02.2021	10.20 am - 10.45 am
<b>Delta Mall</b>	Social activity-customer	01.02.2021	11.17 am - 12.10 pm
<b>Ta Kiong Emporium Sdn Bhd</b>	Social activity-customer	01.02.2021	9.42 am - 10.00 am
<b>Ddapur Ani</b>	Social activity-customer	02.02.2021	7.50 am - 8.15 am
<b>Kim Hock Supermarket Sibu Jaya</b>	Social activity-customer	03.02.2021	8.28 am - 8.50 am

<b>Everwin Enterprise Sdn Bhd</b>	Social activity-customer	04.02.2021	8.07 am - 8.25 am
<b>ASNB Sibu</b>	Social activity-customer	04.02.2021	1.18 pm - 1.50 pm
<b>AR Rahnu YaPEIM Sibu</b>	Social activity-customer	04.02.2021	1.10 pm - 1.30 pm
<b>De Bakery</b>	Social activity-customer	04.02.2021	2.12 pm - 2.25 pm

## DAERAH KANOWIT

Name of Exposed Location	Category	Exposure Date	Time Period Affected
<b>Family W Mart</b>	Social activity-customer	14.01.2021	2.11 pm - 2.30 pm
		03.02.2021	10.52 am - 11.10 am
		04.02.2021	9.43 am - 10.00 am
<b>126 Mei Choung Café</b>	Eatery	17.01.2021	8.15 am - 8.30 am
<b>Market Kanowit Jalan Banglo</b>	Social activity-customer	18.01.2021	8.38 am - 9.00 am
<b>RHB Bank Kanowit Branch</b>	Social activity-customer	22.01.2021	8.19 am - 8.30 am
		29.01.2021	1.45 pm - 2.10 pm
<b>Bank Simpanan Nasional-Kanowit</b>	Social activity-customer	25.01.2021	12.28 pm - 1.00 pm
<b>Nam Leong Department Store</b>	Social activity-customer	03.02.2021	10.35 am - 10.45 am
		04.02.2021	2.22 pm - 2.45 pm
<b>100% Discount Store</b>	Social activity-customer	02.02.2021	6.29 pm - 6.45 pm

## DAERAH KAPIT

Name of Exposed Location	Category	Exposure Date	Time Period Affected
<b>Imart Supermarket</b>	Social activity-customer	30.01.2021	2.00 pm - 3.00 pm
<b>Borneo Supermarket</b>	Social activity-customer	30.01.2021	4.00 pm - 5.00 pm
<b>Public Bank</b>	Social activity-customer	30.01.2021	10.00 am - 10.15 am

**DAERAH SONG**

Name of Exposed Location	Category	Exposure Date	Time Period Affected
Ipharm Pharmacy, Pekan Song	Social activity-customer	31.01.2021	10.00 am - 3.00 pm

**DAERAH BINTULU**

Name of Exposed Location	Category	Exposure Date	Time Period Affected
Sing Kwong Supermarket	Social activity-customer	30.01.2021	1.00 pm - 2.00 pm
Famous Pelita Cafe	Social activity-customer	31.01.2021	5.32 pm - 5.50 pm
Everwin Fashion House	Social activity-customer	01.02.2021	8.58 am - 9.58 am
KFC Paragon	Eatery	02.02.2021	3.54 pm - 5.00 pm

**DAERAH MIRI**

Name of Exposed Location	Category	Exposure Date	Time Period Affected
Crumb Artisan Bakery & Cafe, Jalan Marina	Eatery	28.01.2021	10.00 am - 10.45 am
Restaurant Asian Nasi Kandar, Jalan Bendahara	Eatery	30.01.2021	11.00 am - 12.00 pm
Selera Borneo Cafe, Jalan Miri Bintulu	Eatery	02.02.2021	10.00 am - 10.45 am
The Bulatan Cafe, Jalan Seberkas	Eatery	03.02.2021	10.20 am - 10.45 am